


Bil. S 12



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2024/2025) (BIL. 1), 2025

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 44/2024) bertarikh 20 haribulan Jun 2024 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima bilion dan satu ratus sembilan puluh juta ringgit (\$5,190,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2024/2025), 2024 (Akta 1 tahun 2024).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua ratus lima puluh sembilan juta, satu ratus empat puluh satu ribu dan tiga ratus enam puluh satu ringgit (\$259,141,361.00).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2024/2025) (Bil. 1), 2025.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2024/2025 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus lima puluh sembilan juta, satu ratus empat puluh satu ribu dan tiga ratus enam puluh satu ringgit (\$259,141,361.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2024/2025, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2024/2025), 2024 (Akta 1 tahun 2024), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraian (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI		
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$747,000.00
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$258,394,361.00
		\$259,141,361.00

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 26 haribulan Mac, 2025 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**